



29 MAR, 2023

RM800,000 naik taraf Pasar Basah Saratok

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

RM800,000 naik taraf Pasar Basah Saratok



TAKLIMAT... Friday Belik dan Mohamad Duri ketika hadir pada sesi taklimat projek menaik taraf Pasar Basah Saratok, semalam.

SARATOK: Dana berjumlah RM800,000 diperuntukkan bagi kerja-kerja menaik taraf Pasar Basah Saratok.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Krian, Friday Belik berkata, pasar basah atau lebih dikenali sebagai pasar tamu yang bakal berwajah baharu itu dilihat dapat memberi manfaat kepada semua peniaga dan menjamin kesejahteraan pengunjung yang datang sebaik sahaja ia siap nanti.

"Projek ini akan dikendalikan oleh pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Saya berharap projek menaik taraf Pasar Basah Saratok ini dapat meningkatkan lagi pendapatan peniaga dan petani

untuk memasarkan produk agromakanan mereka," katanya ketika hadir pada sesi taklimat projek menaik taraf Market Saratok di sini semalam.

Friday menjelaskan, projek menaik taraf Pasar Basah Saratok itu telah ditender dan dijangka bermula April nanti dan siap pada Disember tahun ini yang turut melibatkan kerja-kerja menaik taraf lantai dan atap.

"Kerja-kerja menaik taraf Pasar Basah Saratok itu dijangka mengambil masa sekitar lapan bulan, dan projek itu merupakan sebahagian bukti komitmen kerajaan dalam usaha mentransformasikan serta mengukuhkan rangkaian peruncitan di pasar berkenaan," ujarnya.

Selain memberi wajah baharu, beliau berkata, ia juga bakal menjadi tarikan kepada pengunjung dan menyediakan lebih keselesaan kepada peniaga kecil yang mencari rezeki di pasar basah itu.

Friday bagaimanapun mengingatkan pihak bertanggungjawab agar memastikan segelintir peniaga selesa di kawasan pemindahan sementara dan tidak menjejaskan aktiviti jualan mereka.

Turut hadir ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kalaka, Mohamad Duri, Pengarah FAMA Negeri Sarawak, Ramli Mat Sani, Pegawai Daerah Saratok, Haron Mahidi dan Pemangku Setiausaha Majlis Daerah Saratok (MDS), Liam Entili.



29 MAR, 2023

RM800,000 naik taraf Pasar Basah Saratok

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SARATOK: Dana berjumlah RM800,000 diperuntukkan bagi kerja-kerja menaik taraf Pasar Basah Saratok. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Krian, Friday Belik berkata, pasar basah atau lebih dikenali sebagai pasar tamu yang bakal berwajah baharu itu dilihat dapat memberi manfaat kepada semua peniaga dan menjamin keselesaan pengunjung yang datang sebaik sahaja ia siap nanti."Projek ini akan dikendalikan oleh pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).